



FOTO: AULIYAH SAAD DAN IREAN PRICE MADYA DR SHUREEN FARIS
PENGALAMAN sebagai arkitek landskap lebih 20 tahun.

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kali terakhir bertentang mata dengan wanita ini pada 2018 di pejabatnya di Fakulti Seni Reka dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Sekelas itu, penulis banyak mengikuti perkembangannya di Facebook dan kagum dengan peningkatan kerjayanya serta banyak menghadiri tugas rasmi di luar negara.

Akhirnya, selepas enam tahun, penulis berkesempatan bertemu lagi figura arkitek landskap hebat ini di pejabatnya itu, baru-baru ini.

Sikap ramah dan mesranya masih sama. Pelbagai kisah menarik dikongsi membuatkan pertemuan hampir dua jam itu dirasakan singkat.

Perkembangan terbaru Prof Madya Dr Shureen Faris Abd Shukur ialah beliau diberikan kepercayaan mewakili Malaysia dan profesion

KAJI RUANG TERAPI

Dr Shureen Faris dalam bidang berbeza bersatu dengan sekumpulan pakar reka bentuk perhutanan di IUFRO di Viena, Itali



DR Shureen Faris (duduk belakang tiga dari kanan) ketika lawatan hutan terapi di Indonesia

arkitek landskap untuk bersama dengan penyelidik terkemuka dunia di International Union Federation of Research Organisation (IUFRO) berpusat Viena, Itali.

Menurutnya, ia adalah penghargaan yang tertinggi kepadanya kerana diberikan peluang bersama sekumpulan pakar reka bentuk perhutanan sedangkan dirinya daripada bidang berbeza iaitu seni bina landskap.

"Ini membuka peluang kepada saya mempelajari banyak ilmu. Pada masa sama menganggap ia sebagai cabaran, meskipun pada permulaannya ada berasa sedikit keraguan dengan kemampuan diri.

"Hasil kerjasama ini, satu buku mengenai polisi bagaimana hendak menjadikan kawasan hutan sebagai terapi berjaya dihasilkan tahun lalu," katanya.

Wanita berusia 52 tahun ini berkata, Malaysia memiliki banyak hutan, tetapi di luar negara sudah menggunakan banyak hutan sebagai ruang terapi. Katanya, bermula

Ini membuka peluang kepada saya mempelajari banyak ilmu. Pada masa sama menganggap ia sebagai cabaran, meskipun pada permulaannya ada berasa sedikit keraguan dengan kemampuan diri

DR SHUREEN FARIS

dengan buku ini juga beliau mula membuat penyelidikan bersama penuntut ijazah doktor falsafah (PhD) mengenai hutan di Malaysia bagi mengetahui spesifik hutan dan karakter hutan yang sesuai dijadikan terapi.

"Kajian ini sudah dijalankan hampir setahun dan dijangka disiapkan tahun depan berdasarkan hasil daripada tesis penuntut berkenaan.

"Hasil penyelidikan ini juga akan dikongsi bersama masyarakat menerusi penulisan artikel dalam akhbar dan Jabatan Semenanjung Malaysia," katanya.

Berkongsi ciri-ciri hutan sebagai terapi Dr Shureen Faris berkata, ia (ciri-ciri) dilihat dalam kertas penulisan kajian di seluruh dunia.

"Manakala ciri-ciri ketiga pula adalah setiap reka bentuk perlu

memikirkan mengenai penyelenggaraan," katanya.



DR Shureen Faris (duduk kiri) menghadiri Kolokium Perancangan Pintar dan Bandar Hijau Sihat.

kemudahsampaian untuk ke hutan. Ciri-ciri kedua adalah perlu memenuhi kehendak setiap pengguna.

"Manakala ciri-ciri ketiga pula adalah setiap reka bentuk perlu

memikirkan mengenai penyelenggaraan," katanya.

Ditanya cara menguruskan kehidupan yang sibuk sebagai pensyarah, penyelidik dan ibu, katanya, amalnya

memulakan rutin harian awal pagi (morning person) banyak membantu kehidupan yang teratur.

"Setiap hari saya bangun seawal jam 4 pagi dan memulakan rutin harian. Selain dapat menyiapkan banyak perkara, ia juga menjadikan diri lebih aktif.

"Satu lagi saya ingin menasihati mereka yang tidak boleh mengawal tekanan kerana banyak beban, hendaklah selalu menyediakan senarai semak perkara yang mahu dilakukan setiap hari dan cuba siapkan pada hari berkenaan," katanya.

Dalam konteks pemerksaan wanita pula Dr Shureen Faris berkata, setiap wanita perlu mempunyai satu visi yang akan menentukan kehidupan yang diinginkan.

Pada masa sama, beliau turut mempunyai visi memberikan pengajaran terbaik dalam dewan kuliah kepada penuntutnya. Cara itu membuatnya tidak berasa menyesal dengan setiap apa yang dilakukannya.

"Di samping itu, wanita perlu menghargai diri

dengan melakukan perkara disuka. Pendekatan saya ialah mengembara secara solo ke luar negara setiap dua atau tiga bulan sekali.

"Lokasi wajib dilawati setiap tahun ialah Venice kerana sering mengikuti perkembangan reka bentuk dan seni terkini melalui Venice Binale yang diadakan setiap tahun.

"Pada masa sama boleh menimba banyak ilmu baharu," akunya.

Berkongsi lanjut kisah dirinya kata beliau, ketika melanjutkan pengajian PhD di Universiti Copenhagen, Denmark pada Ogos 2009 hingga Mac 2013, beliau menyedari betapa susah seorang wanita melanjutkan pengajian itu berbanding lelaki.

"Selain memenuhi tuntutan pengajian, saya juga perlu memikul tanggungjawab menjaga dan menguruskan dua anak serentak.

"Pada masa sama, jangkaan wanita untuk berjaya adalah lebih berbanding lelaki. Maka wanita perlu membuktikan kedudukan sama taraf dengan lelaki," katanya.



MELAWATI hutan buluh di Jepun.



MENGUNJUNGI bandar Milan.